



Ruj. Kami: TNB(B)/HEKO/PSTK 9/1/36

19 September 2007

Pengarah  
BELL Thermal Power (M) Sdn. Bhd.  
125, Jalan SS 15/5A,  
47500 Subang Jaya, Selangor.  
(u.p: Dato' Low Boon Eng.)

Att: 007

4 Bldg Dato'

**SMALL RENEWABLE ENERGY POWER PLANT AT BATU PAHAT, JOHOR.**

Surat yang Y.Bhg. Dato' bertarikh 15 Ogos 2007 mengenai perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Seperti yang berbahagia Dato' maklum, TNB telah mengumumkan untuk menaikkan tariff REPPA bagi projek SREP berasaskan biomas/biogas sehingga 21 sen/kWj. TNB juga telah bersetuju untuk mengeluarkan *Performance Target* daripada REPPA bagi menggalakkan pembangunan program SREP yang dilancarkan oleh Kerajaan.
3. Harga REPPA yang akan dimeterai nanti adalah tetap sepanjang tempoh kontrak. Walau bagaimanapun, tempoh kontrak adalah tidak semestinya sehingga 21 tahun. Ianya boleh disingkatkan dan rundingan semula boleh dijalankan untuk kontrak dan harga REPPA yang baru tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak.
4. Persetujuan dari pihak Bell mengenai perkara (3) di atas adalah penting bagi memastikan cadangan projek tersebut dapat dimajukan kepada pengurusan tertinggi TNB untuk pertimbangan. Pihak Bell juga adalah diminta untuk memajukan salinan *Financial Model* untuk projek terbabit bagi tujuan tersebut.
5. Pihak kami bersedia untuk mempertimbangkan permohonan Bell bagi memansuhkan klausa berkaitan dengan *Tax, Financing and EPC Saving*. Walau bagaimanapun keputusan akhir mengenainya adalah tertakluk kepada kelulusan pengurusan tertinggi TNB.

Sekian, terima kasih.

**"TNB - PENGGERAK KEMAJUAN NEGARA"**

Megat Said Megat Ramli  
Penolong Pengurus Besar (Hal Ehwal Komerstil)  
b.p: Pengurus Besar (Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran)  
Bahagian Pembahagian, TNB